

Lelaki suka isteri berisi, kecewa dalam percintaan antara punca kegemukan

# Suami, cinta punca wanita obes

**KUALA LUMPUR**

- Gara-gara putus cinta dan si suami suka isteri kelihatan gemuk merupakan antara isu remeh yang menyumbang kepada masalah kegemukan dan obesiti rakyat negara ini.

Perkara tersebut didebarkan oleh jurulatih kecergasan *Akademi Fantasia*, Mohamad Ashraf Hasim.

Menurut beliau, ada seorang pelatihnya mendakwa dia menjadi gemuk selepas mengikut kehendak suaminya yang tidak mahu dia kelihatan kurus.

"Dia obes teruk hingga terpaksa datang ke pusat kecergasan untuk menguruskan semula berat badannya," katanya.

Mohamad Ashraf bagaimanapun memberitahu, kira-kira 80 peratus peserta yang mengikuti latihan kecergasan di bawah bimbingan beliau menjadi gemuk setelah berkahwin kerana mereka tidak menjaga pemakanan selain kurang melakukan aktiviti riadah.

Beliau juga bercerita mengenai seorang gadis muda yang menjadi gemuk akibat putus cinta.

Ujarnya, gadis berusia awal 20-an itu melepaskan rasa kecewa dengan makan sehingga berat badannya naik sebanyak 25 kilogram (kg) dalam tempoh beberapa bulan.

Semasa pertemuan pertama dengan gadis itu, cerita Mohamad Ashraf, berat badan gadis berketinggian 160 sentimeter (sm) itu mencecah 80kg berbanding berat badan ketika dia sedang dilamun cinta dengan kekasihnya iaitu hanya 55kg.

"Selepas ditinggalkan kekasih, gadis itu terlalu tertekan dan cara dia melepaskan kekecewaan dengan makan ikut suka hati.

"Makanan kegemarannya pula melibatkan makanan berkalori tinggi seperti perti kentang dan ayam goreng," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.



MOHAMAD LUQMAN memilih isterinya, Fatin yang berbadan gempal untuk dijadi pasangan hidup.



MOHAMAD ASHRAF

“Saya suka isteri saya berisi dan saya tidak akan menyuruhnya menurunkan berat badan

**MOHAMAD LUQMAN  
AHMAD ZAMBERI**

Hampir 10 juta penduduk negara ini gempal. Putranya paling tinggi peratusan orang obes

**Makin ramai rakyat Malaysia gemuk**



KERATAN *Kosmo!* semalam.

Mohamad Ashraf berkata, gadis itu hanya sedar dia obes selepas ramai rakan-rakannya menunjukkan reaksi terkejut melihat perubahan bentuk badannya.

"Pada mulanya gadis itu cuba buat tidak kisah namun kerana semakin ramai yang memberi komen dia gemuk, gadis itu akhirnya berasa malu dan memilih untuk mengikuti latihan kecergasan dan menjalani gaya hidup sihat," katanya.

Tambahnya, berkat kesungguhan gadis itu, dalam tempoh dua bulan dia berjaya menurunkan berat badan sebanyak 10kg.

Katanya lagi, walaupun kisah gadis tersebut menggambarkan antara penyebab masalah kegemukan, tetapi terdapat pelbagai punca lain seperti malas bersenam, tidak pedulikan kesihatan dan sibuk dengan urusan kerja.

*Kosmo!* semalam melaporkan

INFO

## Obesiti

### Populasi rakyat Malaysia

- 31.7 juta orang

### Orang dewasa 18 tahun ke atas

- Berat berlebihan - 5.3 juta orang (30%)
- Obesiti - 3.6 juta orang (17.1%)

### Kanak-kanak 18 tahun ke bawah

- Obesiti - 1 juta orang (11.9%)

### Trend kegemukan penduduk dewasa di Malaysia

- 2015 - 47.7 peratus
- 2011 - 44.5 peratus
- 2006 - 43.1 peratus
- 1996 - 21.1 peratus

### Indeks Jisim Tubuh (BMI)

- Kurang berat badan - kurang 18.5
- Normal = 18.5 - 24.9
- Gemuk = 25 - 29.9
- Obesiti = 30 ke atas

masalah kegemukan di negara ini semakin membimbangkan apabila hampir 9.9 juta rakyat Malaysia didapati gemuk. Lebih menakutkan apabila hampir satu juta daripada angka itu merupakan remaja dan kanak-kanak.

Berdasarkan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2015, kira-kira 5.6 juta orang dewasa berusia 18 tahun dan ke atas mempunyai masalah berat badan berlebihan manakala 3.3 juta orang lagi disahkan obes.

Sementara itu, Ketua Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Dr. Zainal Madon berkata, kecenderungan lelaki Malaysia memilih wanita gemuk sebagai isteri mungkin berkait dengan Teori Personaliti Sheldon.

"Teori tersebut menjelaskan hubungan kait antara jenis tubuh badan dengan sifat manusia.

"Mengikut teori itu, ciri-ciri wanita bertubuh gempal dikatakan lebih bertolak ansur, peramah dan mudah didampingi," katanya.

Fenomena suami di Malaysia suka isteri gemuk juga telah dibuktikan oleh seorang pekerja swasta, Mohamad Luqman Ahmad Zamberi, 26, yang menyifatkan isterinya, Fatin Syahratul Akma Marzuki, 24, lebih nampak comel disebabkan badannya berisi.

Dia turut menganggap golongan wanita gemuk lebih bersikap manja.

"Saya suka isteri saya berisi dan saya tidak akan menyuruhnya menurunkan berat badan," katanya sambil memberitahu, berat isterinya sekarang kira-kira 80kg.